

# سینر زوختی *Sinar* **Rohani** *Pembimbing Ummah*



جائتہ کما جواز اسلام ملیسیا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

**Bil 2/2022**

## **SYURGA; LAYAKKAH KITA?**

- ❖ **PERSPEKTIF**  
Syurga; Layakkah Kita?
- ❖ **FIKRAH**  
Apa Yang Menghalang Untuk Ke Syurga
- ❖ **FOKUS**  
Penjawat Awam: Jalan Ke Syurga Atau Neraka?
- ❖ **TURATH**  
Cerita Syurga Dalam Al-Quran
- ❖ **TAKZIRAH**  
Tersungkur Di Pintu Syurga
- ❖ **DAKWAH**  
Hadis "Akan Muncul Kepada Kamu Sekarang Seorang Ahli Syurga"
- ❖ **GERPEN**  
Kerana Syurga Itu Murah
- ❖ **INFO**  
Nama-Nama Syurga Dan Tingkatnya
- ❖ **MIMBAR**  
KHUTBAH : Indahnya Syurga
- ❖ **INSPIRASI**  
Kisah Cinta Sahabat Untuk Menuju Ke Syurga

**PERCUMA**

ISSN 1511-1903



9 771511 190108



# Syair AL'ITIRAF dan Terjemahannya



Nur Madihah Binti Rakes Junaidi  
Bahagian Penerbitan, JAKIM

إِلٰهِي لَسْتُ لِلْفِرْدَوْسِ أَهْلًا # وَلَا أَقْوَى عَلَى النَّارِ الْجَحِيمِ

**Ilaahii lastu lil firdausi ahlaan wa laa aqwaah 'alaa naaril jahiimi**  
Wahai Tuhanku, aku tidak layak menjadi penghuni syurga.  
Namun, aku juga tidak sanggup menjadi penghuni neraka.

فَهَبْ لِي تَوْبَةً وَاعْفِرْ ذُنُوبِي # فَإِنَّكَ عَافِرُ الذَّنْبِ الْعَظِيمِ

**Fa habli taubatan waghfir zunuubi fa innaka ghaafirud dzambil 'azhiimi**  
Terimalah taubat-taubat hamba dan ampunilah dosa-dosaku.  
Sesungguhnya Engkau lah Maha Pengampun dosa yang besar.

ذُنُوبِي مِثْلُ أَعْدَادِ الرِّمَالِ # فَهَبْ لِي تَوْبَةً يَا ذَا الْجَلَالِ

**Dzunubi mitslu a'adaadir rimaali fa habli taubatan yaa dzaaljalali**  
Dosa-dosaku bagaikan pepasir. Terimalah taubatku wahai Tuhan Yang Maha Agung.

وَعُمْرِي نَاقِصٌ فِي كُلِّ يَوْمٍ # وَذَنْبِي زَائِدٌ كَيْفَ احْتِمَالِي

**Wa 'umrii naaqishun fii kulli yaumi wa dzambii zaa-idun kaifah timaali**  
Sementara umurku kian hari kian berkurang. Dan dosaku kian bertambah, bagaimana mungkin aku mampu memikulkannya.

إِلٰهِي عَبْدُكَ الْعَاصِي أَتَاكَ # مُقِرًّا بِالذُّنُوبِ وَقَدْ دَعَاكَ

**Ilaahii 'abdulkaal 'aashii ataaka muqirran bidzdzunuubi wa qad da'aaka**  
Wahai, Tuhanku! hamba-Mu yang penuh dengan dosa ini, Kini datang menghadap-Mu memohon ampunan.

فَإِنْ تَغْفِرْ فَأَنْتَ لِذَاكَ أَهْلٌ # وَإِنْ تَطْرُدْ فَمَنْ تَرْجُو سِوَاكَ

**Fa in taghfir fa anta lidzaaka ahlan wa in tathrud faman narjuu siwaaka**  
Jika Engkau mengampuni, maka Engkau lah yang berhak mengampuni. Namun, jika Engkau menolak, kepada siapakah lagi aku berharap selain Engkau.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara dalam talian oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

# Sidang Redaksi



## **PENAUNG**

Datuk Hajah Hakimah Binti  
Mohd Yusoff  
(Ketua Pengarah JAKIM)



## **PENASIHAT**

Haji Ruslan Bin Said  
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi))



## **KETUA PENGARANG**

Azman Bin Mat Hassan



## **PENGARANG**

Mohd Meeftah Bin Anuar



## **PENOLONG PENGARANG**

Nur Madihah Binti Rakes Junaidi



## **PENYUNTING**

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim



## **PENGURUS EDARAN**

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan



## **PEMBANTU EDARAN**

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan



Nurain Atiqah Binti Mohd Hazim

## **REKABENTUK**

Percetakan Norfatimah Sdn. Bhd

# Kandungan

- 2 SAJAK**  
Syair Al I'tiraf dan Terjemahannya
- 3 SIDANG REDAKSI**
- 4 LAMAN PENGARANG**  
Bilal Bin Rabbah Masih Di Dunia, Namun Berjalan Dalam Syurga
- 5 PERSPEKTIF**  
Syurga; Layakkah Kita?
- 8 FIKRAH**  
Apa Yang Menghalang Untuk Ke Syurga
- 10 FOKUS**  
Penjawat Awam: Jalan Ke Syurga Atau Neraka?
- 14 TURATH**  
Cerita Syurga Dalam Al-Quran
- 18 TAKZIRAH**  
Tersungkur Di Pintu Syurga
- 21 DAKWAH**  
Hadis "Akan Muncul Kepada Kamu Sekarang Seorang Ahli Syurga"
- 23 CERPEN**  
Kerana Syurga Itu Murah
- 26 INFO**  
Nama-Nama Syurga Dan Tingkatnya
- 27 MIMBAR**  
KHUTBAH : IndahNya Syurga
- 31 INSPIRASI**  
Kisah Cinta Sahabat Menuju Ke Syurga



# BILAL BIN RABBAH; Masih Di Dunia Namun Sudah Berjalan Di Syurga



*Anotasi  
Pengarang*

*Ustaz Haji Mohd Meeftah bin Haji Anuar*

**P**abila kita singkap kisah hidup Saidina Bilal bin Rabah, keinsafan pasti menggamit sanubari kita yang luhur. Beliau melalui kehidupan yang penuh dengan kegetiran. Lahirnya beliau di daerah as-Sarah kira-kira 43 tahun sebelum Hijrah. Beliau merupakan seorang budak berkulit hitam dan sering diajuk sebagai Ibnus Sauda' yang bermaksud anak lelaki kepada perempuan berkulit hitam.

Sebelum beliau memeluk Islam, beliau merupakan seorang hamba kepada Umayyah bin Khalaf. Hamba kepada seorang kafir tegar yang amat memusuhi Islam. Namun ketika beliau bertekad membuat keputusan untuk memeluk Islam, semuanya dilakukan secara sir. Ibadahnya dan ikhtiarnya untuk mendalami ilmu agama, segalanya dilakukan dalam keadaan rahsia.

Walaupun bagaimanapun, selepas keislamannya diketahui umum, Umayyah bermati-matian memaksa Bilal untuk kembali ke agama asalnya. Diseksanya, diazabnya, namun keteguhan iman Bilal terhadap Islam tersangatlah mantap dan tiada tandingan.

Walaupun beliau telah disiksa di tengah-tengah panas terik matahari, di atas perutnya diletakkan batu yang besar demi meruntuhkan keimanannya, namun beliau tetap istiqamah dalam iman. Ahadun... ahad... ahadun... ahad... Begitulah ungkapan beliau. Sekelumit pun tidak kedengaran panggilannya kepada sesama makhluk. Begitulah kesan tarbiah baginda Nabi SAW.

Sehinggalah Saidina Abu Bakar membelinya dengan harga yang sangat tinggi. Sangka Umayyah, dengan meletakkan harga yang tinggi, pasti Saidina Abu Bakar akan melupakan hasratnya. Namun sangkaannya meleset, ternyata Abu Bakar sanggup membelinya dan seterusnya membebaskannya. Betapa dahsyatnya keimanan Bilal Bin Rabah, sehingga ada beberapa dalil yang menyebut perihal beliau dijanji dengan kenikmatan syurga.

Daripada Abu Hurairah RA, baginda Nabi SAW bersabda kepada Bilal seusai solat subuh:

Maksud:

“Wahai Bilal! Khabarkan kepadaku amalan yang paling utama yang telah kamu lakukan sejak memeluk Islam. Ini kerana, aku mendengar suara tapak kakimu berjalan jalan di dalam Syurga.” Bilal menjawab: “Tidak ada amalan utama yang aku amalkan kecuali setelah aku berwuduk tidak kira waktu malam atau siang melainkan aku akan pastikan diriku solat dengan wuduk tersebut (solat sunat) selain solat-solat yang diwajibkan ke atasku.”

(Hadis Riwayat Bukhari, no. 1149)

Berdasarkan penjelasan para ulama hadis, kisah baginda Nabi SAW mendengar tapak kaki Bilal di dalam syurga adalah sahih dan ia turut diriwayatkan oleh Imam Bukhari melalui kitab sahihnya.

Kisah ini membuktikan betapa hebatnya kedudukan Saidina Bilal Bin Rabah, asbab keteguhan keimanannya kepada Allah SWT dan juga kecintaannya kepada baginda Nabi SAW, terbukti dengan beliau mengamalkan sunnah-sunnah yang diajar oleh baginda Nabi SAW. Walaupun sunnah yang kelihatan kecil, namun ganjarannya begitu besar, sebesar ganjaran syurga.

# Syurga; Layakkah Kita?



Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad  
Al-Bakri

Manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi menanggung amanah dan taklif untuk melaksanakan segala titah perintah Allah SWT dan meninggalkan larangannya. Dengan kata lain, untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dan mentahqiqkan 'ubudiyah kepada-Nya selaras dengan firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: "Dan tidaklah aku menciptakan jin dan juga manusia melainkan untuk mereka beribadah kepada-Ku."

Surah al-Zariyat (56)

Justeru, terlalu banyak cabaran, sementelahan lagi musuh utama kita adalah 4 iaitu; iblis dan syaitan, dunia, manusia atau makhluk dan nafsu. Sesiapa yang diselamatkan daripada digoda dengan 4 musuh ini, nescaya selamatlah dia. Hakikat kehidupan ini, bukan semata-mata di dunia tetapi di sana ada negeri akhirat yang bersifat *baqa'* dan kekal abadi. Itulah pembalasan hakiki yang sebenarnya. Puncak kebahagiaan seseorang ialah apabila seseorang itu layak mendapat balasan syurga daripada Tuhan yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa. Firman Allah SWT:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ،  
وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً ، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka."

Surah al-Baqarah (201)

Imam Ibn Kathir berkata: Kebaikan di akhirat mencakupi masuk ke dalam syurga – yang merupakan kebaikan yang tertinggi – kemudahan hisab dan pelbagai urusan akhirat yang lain. Manakala keselamatan dari api neraka pula bererti

juga kemudahan dari pelbagai faktor penyebabnya di dunia, iaitu berupa perlindungan daripada segala dosa dan larangan serta terhindar daripada pelbagai syubhat dan perkara haram. (Lihat *Tafsir al-Quran al-'Azim*, 1/390)

## TAKRIF SYURGA

Menurut al-Raghib al-Asfahani, perkataan *jannah* merujuk kepada taman atau bustan yang dipenuhi pokok yang lebat dedaunannya sehingga menutupi bumi, dan terkadang, lafaz *jannah* juga merujuk kepada pokok-pokok tersebut.

(Lihat *Mufradat Alfaz al-Quran*, hlm. 204)

Ibn Manzur pula berkata bahawa perkataan *jannah* bermaksud taman atau *hadiqah*. Beliau menukikan pandangan Abu 'Ali yang menyebut bahawa *jannah* merujuk kepada taman yang memiliki pelbagai pokok seperti kurma dan anggur. Jika tidak terdapat pokok-pokok tersebut, ia hanya dipanggil *hadiqah* sahaja, dan bukannya *jannah*.

(Lihat *Lisan al-'Arab*, 13/100)

Dari sudut istilah, Sayyid Sabiq berkata bahawa *jannah* merujuk kepada suatu tempat yang telah disediakan oleh Allah SWT untuk hamba-Nya yang bertakwa sebagai ganjaran kepada mereka atas keimanan dan amalan soleh yang dilakukan.

(Lihat *al-'Aqa'id al-Islamiyyah*, hlm. 301)

Betapa indahnyanya syurga cukup digambarkan dalam sebuah hadith qudsi firman Allah SWT: Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Allah SWT berfirman:

أَعَدَدْتُ لِعِبَادِي الصَّالِحِينَ ، مَا لَا عَيْنٌ رَأَتْ ،  
وَلَا أُذُنٌ سَمِعَتْ ، وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلْبِ بَشَرٍ

Maksudnya: "Aku telah menyediakan untuk hamba-hamba-Ku yang soleh apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga

dan tidak pernah terlintas di dalam hati seorang manusia."

Riwayat al-Bukhari (4779) dan Muslim (2824)

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: Dalam hadis lain disebutkan tentang latar belakang hadis ini, iaitu Nabi Musa AS bertanya kepada Tuhannya tentang penghuni syurga yang paling mulia kedudukannya? Maka Allah SWT berfirman: "Aku menanam kemuliaan mereka dengan tangan-Ku, lalu Aku menutupinya. Tidak ada mata yang pernah melihatnya, tidak ada telinga yang pernah mendengarnya, dan tidak pernah terlintas dalam hati seorang manusia.

(Lihat **Fath al-Bari**, 13/310)

Allah SWT berfirman:

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُمْ مِّن  
قَرَّةٍ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Maka tidak ada seseorang pun yang mengetahui satu persatu persediaan yang telah dirahsiakan untuk mereka (dari segala jenis nikmat) yang amat indah dipandang dan menggembirakan, sebagai balasan bagi amal-amal soleh yang mereka telah kerjakan."

(Surah al-Sajdah: 17)

Dalam ayat ini, Allah SWT menyebut tentang balasan dan ganjaran yang dipersiapkan untuk orang-orang beriman yang telah dijelaskan sifat dan kriteria tersebut, di mana tidak ada seorang pun yang mengetahui betapa besarnya pahala yang disediakan oleh Allah SWT untuk mereka, yang berupa kenikmatan dan kesenangan yang kekal abadi. Di dalamnya penuh dengan kelazatan yang tidak seorang pun pernah melihat yang serupa dengan itu.

(Lihat **Tafsir al-Quran al-Azhim**, 6/364;

**Al-Tafsir al-Munir**, 21/206 dan

**Tafsir al-Maraghi**, 21/113)

Ia adalah sebagai satu pahala bagi mereka atas amalan-amalan yang mereka kerjakan di dunia. Hal itu sebagai balasan dan ganjaran atas amalan-amalan soleh mereka yang mereka simpan, sembunyikan, tidak mereka pameran kepada orang lain dan bebas daripada sifat riya'. Mereka menyembunyikan setiap amalan baik mereka, maka kerana itu Allah SWT juga menyembunyikan ganjaran dan pahala mereka secara tersembunyi sebagai satu bentuk penghormatan bagi mereka.

(Lihat **Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran**, 20/177-182;

**Tafsir al-Quran al-Azhim**, 6/364 dan

**Al-Tafsir al-Munir**, 21/206)

Hal ini menggambarkan betapa besarnya penghormatan dan keraian Allah SWT terhadap orang-orang yang beriman itu, dan menggambarkan bagaimana Allah sendiri mengendalikan persediaan balasan yang disimpan di sisi-Nya, iaitu balasan penghormatan yang menyenangkan hati. Tiada siapa pun yang melihat balasan itu selain dari Dia dan balasan itu akan terus berada di sisi-Nya dan terlindung dari mana-mana pengetahuan makhluk sehingga Dia sendiri yang mengemukakan balasan itu pada hari mereka bertemu dengan-Nya kelak.

(Lihat **Fi Zilal al-Quran**, 5/2812)

## SYURGA ADA HARGANYA

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُم بِأَنَّ لَهُمُ  
الْجَنَّةَ ۖ يَقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعَدًّا  
عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ  
مِنَ اللَّهِ ۖ فَاسْتَبْشِرُوا بِاللَّهِ الَّذِي يَبِيعُكُمْ بِهِ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ  
الْقَوْلُ الْعَظِيمُ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, (disebabkan) mereka berjuang pada jalan Allah maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Balasan syurga yang demikian ialah) sebagai janji yang benar yang ditetapkan oleh Allah di dalam (kitab-kitab) Taurat dan Injil serta Al-Quran; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual-belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual-beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar."

(Surah al-Taubah: 111)

Syeikh Dr Wahbah al-Zuhaili berkata: Firman-Nya 'إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ' adalah bentuk *isti'arah* penyertaan, di mana usaha mereka dengan jiwa dan harta, dan pemberian pahala usaha itu kepada mereka dengan balasan syurga disamakan dengan jual beli. Pada hakikatnya Allah SWT tidak mungkin membeli sesuatu kerana sesungguhnya Allah SWT adalah pemilik segala sesuatu.

(Lihat **al-Tafsir al-Munir**, 6/60)

Beliau berkata lagi: Di sini Allah SWT mengungkapkan usaha keras orang-orang beriman dengan jiwa dan harta mereka dan memberi balasan kepada mereka dengan syurga sebagai kemurahan, kemuliaan, dan kebaikan. Allah SWT mengungkapkan hal itu dengan jual beli dan ganti rugi, bahawa Allah SWT menerima ganti rugi dari apa yang dimiliki dan dikorbankan oleh hamba-hamba-Nya yang taat kepada-Nya. Al-Hasan al-Basri dan Qatadah berkata, 'Allah SWT berjual beli dengan mereka, demi Allah harga mereka menjadi sangat mahal.'

Maknanya adalah sesungguhnya Allah SWT membeli daripada orang-orang beriman jiwa dan harta dengan harga iaitu syurga atau Allah SWT memberi perumpamaan tentang balasan mereka dengan syurga atas pengorbanan mereka dengan jiwa dan harta mereka di jalan Allah sebagai jual beli. Kemudian kembali Allah SWT menjelaskan apa yang dapat dilakukan dalam jual beli itu dan bagaimana mereka menjual jiwa dan harta mereka dengan harga syurga. Allah SWT berfirman, "Mereka berjihad di jalan Allah dengan memerangi musuh-musuh mereka atau mereka mati syahid di jalan Allah, sama ada mereka dapat membunuh musuh atau mereka yang terbunuh atau dapat melakukan dua-duanya, maka wajib baginya mendapatkan syurga."

(Lihat **al-Tafsir al-Munir**, 6/62)

Saya terbaca satu kisah seorang lelaki yang menulis di dalam Facebooknya seraya berkata: "Jika sekiranya aku masuk syurga, aku ingin bertemu dengan Rasulullah SAW. Rasul yang amat ku cintai. Aku begitu ingin melihat kehebatan Abu Bakar al-Siddiq, melihat ketegasan Umar ibn al-Khattab, merasa kagum dengan sifat malunya Saidina Uthman. Aku ingin bertemu dengan Saidina Ali yang tangkas bermain senjata dan berperang, alangkah baiknya jika aku dapat melihat kehebatan Khalid Al-Walid yang merupakan salah satu pedang daripada pedang Allah. Aku amat teringin untuk bertemu dengan singa Allah SWT Hamzah bin Abdul Muttalib. Alangkah baiknya sekiranya aku dapat mendengar azan daripada muazzin Rasulullah SAW iaitu Bilal bin al-Habsyi. Alangkah baiknya untuk aku bertemu dengan Nu'man bin Muqarrin panglima yang syahid pada zaman Sayyidina Umar. Aku bercita-cita untuk bertemu dengan sahabat yang handal dalam perkara halal dan haram seperti Mu'az bin Jabal. Aku ingin bertemu dengan Imam Ahmad bin Hanbal yang petah dalam berhujah. Melihat sendiri kehebatan Imam Malik, kecerdikan Imam Syafie, ketegasan Imam Ahmad, pembawa dan pembela sunnah Nabi SAW, Imam Al Bukhari dan ramai lagi. Persoalannya, aku termenung, seraya berkata, tetapi untuk itu, syurga layakkah aku?"

Mengakhiri perbincangan ini, benarlah ucapan sang sufi yang terkenal:

إِلَهِي لَسْتُ لِلْفِرْدَوْسِ أَهْلًا وَلَا أَقْوَى عَلَى نَارِ الْجَحِيمِ  
فَهَبْ لِي تَوْبَةً وَأَعْفِرْ دُنُوبِي فَإِنَّكَ غَافِرُ الذَّنْبِ الْعَظِيمِ

Wahai Tuhanku! Aku bukanlah ahli syurga al-Firdaus,

Tetapi aku tidak kuat (menahan seksa) neraka al-Jahim

Maka berilah aku taubat (ampunan) dan ampunilah dosaku,

Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dosa yang besar.

(Lihat **Nasa'ih al-'Ibad**, hlm. 17;

**Bughyatu al-Mustarsyidin**, hlm. 106)

Marilah sama-sama kita tingkatkan amalan yang membawa kita menuju ke syurga-Nya dan menjarakkan kita daripada neraka-Nya dan pada saat yang sama membawa kita kepada keredaan Allah SWT. Saya akhiri dengan mengajak sidang pembaca untuk sama-sama berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ  
وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ

Maksudnya: "Ya Allah, kami mohon kepadamu, keredaan-Mu dan syurga. Dan kami berlindung dengan-Mu dari kemurkaan-Mu dan neraka."



# APA YANG MENGHALANG UNTUK KE SYURGA



Dr. Mohd Zahir Abdul Rahman  
Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia

Syurga merupakan dambaan bagi setiap insan yang beriman kepada Allah SWT. Seringkali kita mendengar nasihat seorang guru kepada anak muridnya, “Banyakkan amal soleh seperti solat, puasa, bercakap sesuatu yang baik insyallah balasan syurga untukmu”. Nasihat ini akan terjawab dan menjadi realiti di akhirat kelak. Namun, nasihat serta keinginan saja belum cukup ampuh, bahkan perlukan suatu usaha untuk masuk ke dalamnya kerana syurga itu bukan percuma. Menariknya segala usaha untuk ke syurga perlu dipraktikkan secara pengakuan dengan lidah, keyakinan yang jitu dalam hati serta dilaksanakan dalam bentuk perbuatan hanya untuk Allah semata sejak kecil lagi selagi masih bernyawa di dunia ini.

Untuk mendapatkan syurga, kita perlu pastikan apakah penghalang besar yang memungkinkan kita terhalang untuk masuk ke syurga Allah SWT ini. Usaha risau, usah bimbang kerana kriteria penghalang ke syurga ini sudah pun disebutkan dalam al-Quran dan Hadis. Ayuh kita renungi tiga penghalang utama individu Muslim untuk ke syurga.

## PENGHALANG PERTAMA ADALAH PERBUATAN SYIRIK KEPADA ALLAH SWT.

Syirik merujuk kepada anggapan ataupun menjadikan selain Allah SWT sebagai Tuhan. Jika dilihat kepada penakrifan tersebut, ini adalah perbuatan syirik yang besar sehingga pelakunya boleh dianggap kafir, atau dalam bahasa mudanya keluar dari Islam (murtad). Ini dibuktikan dengan firman Allah: “Demi Sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: “Bahawasanya Allah ialah Al-Masih ibni Maryam”, Sedangkan Al-Masih sendiri berkata: “Wahai Bani Israil! Sembahlah Allah Tuhanku dan Tuhan kamu”. “Bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga dan tempat kembalinya ialah

neraka dan tiadalah seseorang penolong pun bagi orang-orang yang zalim”.

(Surah al-Maidah 5:72).

Namun terdapat juga syirik yang kecil, iaitu riya' yang merujuk kepada pengharapan akan pujian dari amal soleh yang dilakukan. Sebagai contoh, segala macam amalan baik kita sudah menjadi satu kemestian untuk dipaparkan dalam media sosial dan hebahan kepada orang ramai dengan harapan mendapat pujian yang melangit daripada manusia. Justeru, apabila perkara ini sering dilakukan maka individu itu dikhuatiri menjadi penghalang untuk masuk ke syurga. Ini kerana lesen ke syurga perlukan bekalan amal soleh yang banyak, sedangkan individu yang tenggelam dengan perbuatan riya' sudah semestinya tidak punya nilai atau markah dari amal solehnya kerana semuanya sudah terhapus dengan perbuatan riya' itu tadi. Lantaran itulah, Rasulullah sangat khawatir apabila umatnya menjadikan sifat riya' ini sebagai darah daging dalam kehidupan harian. Baginda Rasulullah pernah bersabda:

إِنَّ أَخَوْفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ الشِّرْكَ الْأَصْغَرَ: الرِّيَاءَ

Sesungguhnya sesuatu yang paling aku takutkan terjadi pada kalian adalah syirik yang kecil: “Riya”

(Ahmad, No: 428).

Termasuk syirik kepada Allah adalah mempercayai sepenuhnya bomoh yang sesat, ramalan nasib, tahayyul, sihir, jampi-jampi yang tidak berasaskan al-Quran dan hadis, kepercayaan-kepercayaan yang tidak sesuai dengan akidah Islam.

## PENGHALANG KE SYURGA YANG KEDUA ADALAH DENGAN MENYEMAI SIFAT SOMBONG DALAM KEHIDUPAN.

Sorotan kronologi bagi sifat sombong pertama dinyatakan dalam al-Quran ditujukan khusus kepada





Iblis akibat enggan sujud kepada Nabi Adam atas perintah Allah SWT serta membandingkan kelebihan ciptaanya dengan Nabi Adam. Lantaran itulah, sombong ini merujuk kepada merasa diri lebih baik dan lebih mulia daripada orang lain. Lihatlah penampilan saya, suara saya yang lebih bagus dari orang lain. Oleh sebab itulah, Allah SWT menutup pintu syurga bagi orang-orang yang sombong, Rasulullah bersabda;

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ

“Tidak masuk syurga bagi orang yang di dalam hatinya sifat sombong walaupun sombong itu hanya sebiji sawi”.

(Muslim, No: 91).

Disamping itu, kemurkaan Allah SWT lebih dahsyat lagi kepada orang menyombongkan diri dan berasa bangga dengan dosa yang dilakukannya. Hal ini membuat diri semakin sukar untuk masuk ke dalam syurga sebagaimana dikemukakan dalam firmanNya: “*Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat (perintah) Kami dan angkuh (merasakan dirinya lebih) dari mematuhiNya, tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk ke dalam syurga sehingga unta masuk ke lubang jarum. Dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang melakukan kesalahan*”.

(Surah al-A'raf 7:40).

Disenaraikan empat jenis sifat sombong yang utama;

1. Merasa diri sendiri adalah yang paling bagus. Situasi sombong jenis ini bermula apabila memiliki kelebihan yang banyak seperti cantik dan cerdas. Malangnya kelebihan yang dimiliki ini merabunkan diri dan hati dari melihat orang lain yang lebih hebat dari kelebihan yang dimilikinya.
2. Tidak senang pada apa sahaja nasihat atau pandangan dari orang muda mahupun orang tua. Sifat sombong seperti ini menganggap diri sudah merasa sempurna, tidak punya kekurangan. Seumpama menyombongkan diri dengan ilmu yang dimiliki sehingga diberi gelaran sarjana agung dan gelaran hebat di depan dan di belakang namanya. Manakan boleh sarjana agung seperti diri ini mendapat pandangan dari orang yang tidak mempunyai gelaran akademik yang bagus bahkan dikritik lagi.
3. Iri hati serta dengki terhadap kemajuan yang dicapai oleh orang lain. Hal ini terjadi apabila wujud persaingan yang mampu menandingi prestasinya. Lantaran itu, perasaan iri hati (hasad) wujud terhadap kemajuan dan kesenangan yang dialami orang lain, lebih malang lagi berkeinginan dan berusaha untuk menghalang atau menghentikan kemajuan orang lain itu

dengan kaedah yang tidak sepatutnya seperti memfitnah, mengembangkan permusuhan sehingga membawa kepada pembunuhan.

4. Menolak kebenaran meskipun meyakini kebenaran itu adalah sesuatu yang benar. Perkara ini telah difirmankan Allah SWT di dalam al-Quran: “*Dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sombong angkuh sedang hati mereka menyakini kebenarannya. Oleh itu, lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan*”.

(Surah an-Naml 27:14).

### PENGHALANG KETIGA DARI MENDAPAT SYURGA ADALAH DENGAN MEMUTUSKAN TALI SILATURAHIM SESAMA KAUM KERABAT.

Air yang dicincang tidak akan putus inikan pula adik beradik seibu dan sebapa. Putusnya tali silaturahmi kebanyakannya bermula perebutan harta warisan sehingga membawa kepada tidak bertegur sapa, pergaduhan sehingga terputus hubungan persaudaraan dalam nasab. Ancaman memutuskan tali silaturahmi ini digambarkan Rasulullah melalui sabdanya:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعٌ

Tidak masuk syurga orang yang memutuskan, yakni memutuskan silaturahmi

(Sahih al-Bukhari, No: 5984, Muslim, No: 2556, Abu Dawud, No: 1696, dan Tirmidhi, No: 1909).

Hubungan persaudaraan yang berasal dari satu rahim ibu harus disambung dan diertatkan dengan kuat, maka siapa saja yang memutuskannya akan mendapatkan kemurkaan dari Allah SWT. Logiknya mana mungkin orang yang mendapat kemurkaan Allah boleh masuk ke dalam syurga. Firman Allah SWT: “*Dan (sebaliknya) Orang-orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya dan memutuskan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah supaya dihubungkan (silaturahmi) serta mereka membuat kerosakan dan bencana di muka bumi. Mereka itu beroleh laknat dan mereka pula beroleh balasan pada hari akhirat yang seburuk-buruknya*”.

(Surah ar-Ra'd 13:25)

Menerusi perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa sekiranya keinginan kita untuk ke Syurga sangat kuat maka jauhilah 3 perkara ini dari menjadi darah daging dalam kehidupan kita iaitu syirik kepada Allah, menyemai sifat sombong, dan memutuskan tali silaturahmi. Benar terlalu banyak amalan baik yang boleh dilakukan untuk ke syurga tetapi awas! Jauhilah 3 perkara ini agar segala amalan baik yang pernah kita lakukan tidak menjadi sia-sia dan rugi di kemudian hari.



# PENJAWAT AWAM:

Atau



Nor Shaidayani binti Samah  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Penyelidikan, JAKIM



## PENDAHULUAN

Penjawat awam ialah orang yang menyediakan perkhidmatan utiliti sosial. Ini bermaksud bahawa apa yang mereka lakukan memberi faedah kepada orang lain dan tidak mengambil peluang untuk menjana pendapatan peribadi. Penjawat awam merupakan barisan hadapan (*frontliner*) dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan negara. Jatuh bangun sesebuah pentadbiran negara adalah bergantung kepada kebolehan dan keupayaan penjawat awam mentadbir urus sesebuah urusan dengan amanah dan bijaksana. Allah amat suka kepada penjawat awam yang bertanggungjawab dan berdedikasi dalam membangun dan memajukan negara. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Najm ayat 39:

وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ

Maksudnya:

*Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya;*

Menurut Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih ketika menafsirkan ayat tersebut menyatakan bahawa menurut keadilan Allah, seseorang manusia itu sebagaimana dia tidak memikul melainkan dosanya sendiri, maka dia juga tidak berhak mendapat balasan melainkan yang setimpal dengan apa-apa yang diusahakannya. Tetapi, menurut kemurahan Allah SWT yang melimpah ruah rahmat-Nya, seseorang itu mendapat pahala dan rahmat disebabkan amal usaha orang lain seperti doa, sedekah, haji dan lain-lainnya.

Ayat tersebut telah membuktikan janji Allah kepada umat Islam dan khususnya penjawat awam yang berjihad dalam melaksanakan tugas dalam perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan. Sudah pasti, setiap penjawat awam mudah ke syurga andainya menyedari diri mereka punya Tuhan, niat yang betul, langsaikan amanah rakyat dan laksanakan tuntutan perkhidmatan.

## RASA HIDUP BERTUHAN

Setiap penjawat awam mudah ke syurga jika merasakan diri mereka berTuhan. Kesedaran tersebut memberi natijah yang besar dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Mereka dapat membezakan antara yang hak dan batil. Hak (kebenaran) membawa kepada kemaslahatan dan batil (penyelewengan) membawa kepada kefasadan atau kemudaratan kepada perkhidmatan. Mereka juga dapat melaksanakan perkara-perkara yang disuruh dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

Mana mungkin penjawat awam mengambil rasuah dan menyalahguna kuasa sekiranya mereka menyedari Allah SWT sentiasa memerhati dan menghitung segala amalan yang mereka lakukan. Mana mungkin penjawat awam mudah ke syurga sekiranya mereka rakus dan tamak dalam urusan dunia sehingga menggadaikan janji-janji dan ancaman-ancaman dari Allah SWT.



Allah SWT berfirman dalam surah al-Zumar ayat 20:

لَكِنَّ الَّذِينَ اتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ عُرفٌ مِّنْ فَوْقِهَا عُرفٌ مَّبِينَةٌ تَجْرِى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ  
وَعَدَّ اللَّهُ لَا يُخْلِفُ اللَّهُ الْمِيعَادَ

Maksudnya:

Tetapi (sebaliknya) orang-orang yang bertakwa kepada Tuhan mereka dengan melakukan suruhan dan menjauhi larangan-Nya, dibina untuk mereka (di syurga) kamar-kamar yang tinggi bertingkat-tingkat yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Itulah janji Allah; Allah tidak akan memungkirkan janji-Nya.

Ayat tersebut jelas menerangkan bahawa insan yang menyedari dirinya berTuhan sentiasa melakukan perkara yang baik. Amalan kebaikan yang mendatangkan kemaslahatan kepada orang lain sehingga dapat melenyapkan segala kemungkaran merupakan indikasi kepada sebuah kejayaan. Begitu juga dengan penjawat awam yang sentiasa memberi perkhidmatan yang cemerlang dan masyarakat berpuas hati terhadap perkara yang disampaikan sehingga dapat melenyapkan persepsi yang memudaratkan. Mereka itulah golongan yang berjaya dan mudah untuk ke syurga.

## KATA-KATA BUYA HAMKA: HIDUP SEKADAR HIDUP, BABI DI HUTAN PUN HIDUP. KERJA SEKADAR KERJA, MONYET DIHUTAN PUN BEKERJA.

### SETIAP PERBUATAN DISERTAKAN DENGAN NIAT

Niat merupakan detik hati dan harapan terhadap setiap perbuatan. Niat yang baik, datangnya dari kewarasan akal fikiran, hati yang bersih dan jiwa yang suci. Niat yang baik menatijahkan kesempurnaan kehidupan dan mudah ke syurga. Rasulullah SAW bersabda:

” إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَّا نَوَىٰ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ  
وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَتَرَوُّهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَىٰ مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ ”

Maksudnya:

Amal itu tergantung niatnya, dan seseorang hanya mendapatkan sesuai niatnya. Barang siapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul – Nya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul – Nya, dan barang siapa yang hijrahnya karena dunia atau karena wanita yang hendak dinikahinya, maka hijrahnya itu sesuai ke mana ia hijrah.

(Sahih Muslim)

Niat penjawat awam ketika berikrar dan melafazkan Akur Janji satu tika dahulu telah disaksikan Allah dan Ketua Jabatan perlu ditaati tanpa ingkar. Mana mungkin ikrar yang dilafazkan cenderung kepada kebinasaan yang menyebabkan penjawat awam sukar untuk ke syurga.

Sungguh, hidup ini bermula dengan niat. Kejelasan niat menatijahkan, penjawat awam yang punyai tekad dan azam serta berusaha menyusun strategi tugas dengan ber sistem dan tersusun. Niat juga memberi impak kepada tingkah laku penjawat awam menghasilkan tugas dengan betul dan beretika, patuh kepada ketetapan prosedur operasi standard perkhidmatan dan lain-lain polisi yang dapat menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Penjawat awam yang sombong, angkuh, mengadu domba dan merosakkan persekitaran dengan memberi aura negatif adalah berpunca daripada hawa nafsu syaitan dan bukannya lahir dari niat seorang insan.

## HUKUM JANGKAAN: APA YANG DIFIKIR, ITULAH YANG DAPAT.



## PIKUL AMANAH RAKYAT

Amanah merujuk kepada tanggungjawab atau kepercayaan terhadap sesuatu perkara yang diterima oleh seseorang untuk dilaksanakan tanpa mengabaikannya. Penjawat awam adalah insan terpilih dan menjadi wakil dalam menyelesaikan permasalahan atau amanah rakyat.

Penjawat awam mudah ke syurga jika menyedari setiap permasalahan yang berlaku merupakan amanah yang perlu dipikul dan diselesaikan. Sikap sambil lewa dan tidak cergas dalam menentukan sesuatu keputusan memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Penjawat awam mempunyai masa dan pelbagai platform untuk merungkai permasalahan rakyat dengan adil dan saksama. Allah SWT berfirman:

وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Maksudnya:

*Dan janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di bumi.*

(Hud: 85)

Melalui ayat tersebut Allah mengingatkan kepada para pemegang amanah terutamanya penjawat awam supaya berhati-hati dalam menyantuni dan menyeimbangkan keperluan rakyat apabila amanah dipikul dengan penuh tanggungjawab, penjawat awam akan merasai nilai keikhlasan budi dalam meletakkan keadilan di neraca pertimbangan yang sewajarnya.

Implementasi dari nilai-nilai tersebut dapat mencambahkan peluang penjawat awam untuk mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah dan betapa mudahnya penjawat awam untuk ke syurga.

### KATA-KATA HIKMAH:

**“DUNIA INI TIADA JAMINAN MELAINKAN SATU PELUANG.”**

## LANGSAIKAN TUNTUTAN ORGANISASI

Penjawat awam adalah penggerak dan pemangkin hala tuju organisasi. Garapan misi dan visi yang dibangunkan adalah selaras dengan tuntutan organisasi.

Penjawat awam perlu menyedari bahawa keberadaannya dalam organisasi adalah satu tuntutan dalam melaksanakan tanggungjawab kepada ummah. Mereka perlu memenuhi segala tuntutan tersebut dengan berlapang dada dan rela hati. Mereka juga perlu cepat menyesuaikan dan menerima segala arahan dari ketua



**SYURGA**

organisasi dengan segala persiapan dan bersedia dari segi mental dan fizikal. Sepertimana Allah berfirman dalam surah al-Anfal ayat 60:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ ۚ عَدُوُّ اللَّهِ وَعَدُوُّكُمْ وَعَدَاوَاتِكُمْ أُولَٰئِكَ يَشَاءُ اللَّهُ لِيُذِيقَكُمْ مَقْرَبَهُمْ لِيُذِيقَهُمْ مَا كَفَرُوا ۚ وَاللَّهُ يَتَذَكَّرُ الْعَبَّادَ ۚ  
 لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ۚ

Maksudnya:

*Dan buatlah persediaan untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) dengan segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan berkuda yang lengkap supaya dapat menggentarkan musuh Allah, musuh kamu dan musuh selain mereka yang tidak kamu ketahui sedangkan Allah mengetahuinya. Dan apa-apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah, nescaya akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dizalimi.*

(Al-Anfal: 60)

Menurut Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmeih, ayat ini menjadi dalil tentang wajibnya mempersiapkan segala jenis kelengkapan alat senjata dan kekuatan perang yang dapat disediakan untuk menghadapi serangan musuh yang menceroboh. Persediaan itu pula hendaklah sesuai dengan keadaan zaman dan setanding dengan peralatan senjata yang digunakan oleh pihak musuh.

Sebagai persediaan awal dalam perkhidmatan, penjawat awam telah dipersiapkan dengan maklumat-maklumat tentang organisasi melalui kursus-kursus asas dan program-program lanjutan. Persediaan tersebut menjadi titik sentuh dan dorongan dalam memulakan kerjaya sebagai penjawat awam. Subjek-subjek asas, berkaitan nilai-nilai murni, integriti, polisi perkhidmatan dan sebagainya disalurkan bagi memastikan penjawat awam mudah masuk ke syurga.

### KATA-KATA HIKMAH:

**SESEORANG MENGANGGAP SEKATAN SEBAGAI BATU PENGHALANG, SEDANGKAN ORANG LAIN MENGANGGAPNYA SEBAGAI BATU LONCATAN."**

#### KESIMPULAN

Penjawat awam mudah ke syurga memberi gambaran dan dorongan kepada penjawat awam, bahawasanya betapa beruntungnya menjadi penjawat awam yang berkhidmatan kepada agama, masyarakat dan negara. Keberuntungan tersebut dapat memberi impak yang besar kepada mereka sebagai warga komuniti dan hamba Allah. Mereka dapat mendengar dan berjihad untuk menyelesaikan masalah ummah dan berpeluang mengecapi nikmat syurga dambaan semua insan yang beriman.

**NERAKA**



# Cerita Syurga Dalam Al-Quran



Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan  
Kulliyah Pendidikan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**B**ayangkan seseorang yang dijemput ke istana sebagai seorang tetamu diraja atau sultan. Sudah tentu dia dihidangkan dengan pelbagai hidangan yang sedap dan beristirahat di tempat yang nyaman. Sudah tentu dia dilayan dengan layanan sebaiknya oleh beberapa orang pelayan yang berpakaian segar bergaya. Bermula dari pintu masuk istana sehinggalah ke dalam semula. Namun, hebat bagaimanapun istana dunia, sesiapa yang memasukinya akan keluar darinya juga termasuklah penghuninya apabila ajal datang menjemput.

Ini pula menjadi tetamu Raja dan Tuhan sekalian alam, Rabbul Alamin. Beruntunglah mereka ini, yang percaya dan membenarkan segala yang disampaikan oleh para nabi dan beriman dengan-Nya yang Esa. Sesiapa yang memasukinya akan kekal selama-lamanya. Penghuninya tidak sama sekali berhajat untuk keluar, manakala ahli neraka berharap dapat memasukinya sepanjang mereka diazab.

Alangkah indahnyanya syurga yang merupakan hadiah Allah SWT kepada orang beriman.

Dalam tulisan ini, saya akan cuba bawakan ayat al-Quran yang menceritakan tentang gambaran syurga Allah SWT. Ya! Gambarnya sahaja, kerana hakikatnya yang sebenar hanya akan dapat dirasai apabila seseorang itu berjaya memasukinya. Tujuan penulisan ini tidak lain dan tidak bukan adalah supaya pembaca dapat bertambah semangat mencari keredaan Allah SWT dengan menambah amal kebaikan.

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah Hadis Qudsi, Allah SWT berfirman:

“Aku telah menyediakan bagi hamba-hamba-Ku yang soleh kenikmatan yang belum pernah mata melihatnya, belum pernah telinga mendengarnya, dan belum pernah pula terdetik dalam kalbu manusia.”  
(HR al-Bukhari).

## GAMBARAN PERTAMA:

Keluasan syurga. Firman-Nya yang Esa:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa.”

(Ali-Imran: Ayat 133)

Menurut Imam al-Tabari luas bidangnya 7 lapisan langit dan 7 lapisan bumi. Dapat kita fahami dari gambaran keluasan syurga ini beberapa perkara. Pertama keagungan Allah SWT yang menciptanya. Kedua keagungan syurga itu sendiri. Ketiga rahmat Allah SWT kepada hamba-hambanya dengan melapangkan syurga seluas-luasnya bagi mereka.

## Gambaran kedua:

Kedudukan mahligai ahli syurga. Kawasan perumahan ahli syurga ialah kebun-kebun di atas tempat yang

tinggi seperti bukit atau tanah tinggi. Di bawahnya pula terdapat sungai-sungai yang mengalir. Firman Allah SWT:

فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ

“(Mereka tinggal menetap) di dalam syurga tinggi (tempat kedudukannya darjatnya),”

(Al-Ghashiyah: Ayat 10)

فِيهَا عَيْنٌ جَارِيَةٌ

“Di dalam Syurga itu ada matair yang mengalir,”

(Al-Ghashiyah: Ayat 12)

Sebahagian ulama tafsir berpandangan berdasarkan ayat di atas, mahligai-mahligai syurga kedudukannya di tempat tinggi. Untuk mendekatkan gambaran kepada pembaca, boleh kita bayangkan sebuah rumah di atas kawasan Cameron Highland. Dengan kebun-kebun anggur dan teh yang pelbagai. Betapa nyamannya dan teduhnya pula berterusan sehingga ke tengahari dan petang.

### GAMBARAN KETIGA:

Keadaan beristirahat penghuni syurga. Di dalam al-Quran diceritakan beberapa keadaan beristirahat ahli syurga.

Pertama: Duduk bersandar. Firman Allah SWT:

وَتَمَارِقُ مَصْفُوفَةٌ

“Dan bantal-bantal yang teratur (untuk mereka berbaring atau bersandar).”

(Al-Ghashiyah: Ayat 15)

Kedua: Baring sambil menikmati buah-buahan.

مُتَّكِنِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرَائِكِ لَا يَرَوْنَ فِيهَا شَمْسًا وَلَا زَمَهْرِيرًا

“Mereka berehat di dalam syurga dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias), mereka tidak nampak di situ adanya matahari (usahakan hawa panasnya), dan tidak juga merasai suasana yang terlampau sejuk.”

(Al-Insan: Ayat 13)

وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظِلُّهَا وَذُلِّلَتْ قُطُوفُهَا تَذْلِيلًا

“Sedang naungan pohon-pohon syurga itu dekat kepada mereka, dan buah-buahannya pula dimudahkan (untuk mereka memetikanya) dengan semudah-mudahnya.”

(Al-Insan: Ayat 14)

Imam al-Tabari menyebut dalam tafsirnya, makna “buah-buahannya pula dimudahkan untuk mereka memetikanya” bererti dimudahkan untuk mereka memetikanya dalam pelbagai keadaan mereka, sama ada berdiri, duduk, mahupun berbaring. Yakni rimbunan buah-buahan itu datang menghampiri mereka untuk memudahkan mereka memetikanya. Lihatlah wahai sekalian pembaca, setelah mereka penat beribadah di dunia, bersabar atas larangan Allah dan mematahui segala arahanNya, kini tibalah masa mereka beristirahat di dalam syurga Allah SWT.

Ketiga: Tempat tidur mereka dari tilam yang empuk dan tinggi. Ini yang dapat difahami daripada firman Allah SWT:

فِيهَا سُرُرٌ مَّرْفُوعَةٌ

“Di situ juga ada pelamin-pelamin (berhias) yang tinggi (tempatnya).”

(Al-Ghashiyah: Ayat 13)



Pelamin atau tilam yang tinggi ini dapat difahami dengan tilam yang tebal dan empuk, dan juga pemandangan daripada tempat tidurnya yang tinggi itu, di mana dia melihat pemandangan yang indah tidak terkata.

#### GAMBARAN KEEMPAT:

Makanan dan minuman ahli syurga. Makanan dan minuman mereka pula terdiri daripada hidangan yang lazat. Sebelum berbincang mengenai hidangan, mari kita lihat jenis pinggan mangkuk, cawan gelas yang digunakan dalam syurga Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَيُطَافُ عَلَيْهِمْ بِآنِيَةٍ مِّنْ فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرًا

“Dan (selain itu) diedarkan kepada mereka (oleh pelayan-pelayannya): Bijana dari perak dan piala-piala minuman yang keadaannya laksana kaca (nampak jelas isinya).”

(Al-Insan: Ayat 15)

Pinggan mangkuknya adalah dari perak yang berkilauan menunjukkan kemewahan dan ketinggian darjat mereka. Manakala minuman dihidangkan daripada piala-piala yang lutsinar. Peminum dapat melihat warna dan jenis air di dalam gelas-gelas tersebut. Ini kerana melihat warna air dan jenisnya menarik minat peminum. Sepertimana mana kita lihat iklan air jus yang cantik warnanya menunjukkan seolah-olahnya air itu adalah air buah yang segar, sedangkan ianya hanyalah bahan pengawet dan perisa. Beginilah Allah SWT memancing hamba-hambanya yang soleh, tetapi di syurga air-airnya segar bugar seperti yang dijanjikan kerana ianya arahan dari Tuhan sekalian alam.

Manakala makanan mereka pula ialah daging dan buah-buahan. Bahkan segala yang mereka pernah memakannya ketika di dunia. Namun rasanya sangat lazat jauh beza dengan dunia. Firman Allah SWT:

وَأَمَدَدْنَاهُمْ بِفَاكِهَةٍ وَلَحْمٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ

“Dan (penduduk syurga itu) Kami tambah mereka (dari semasa ke semasa), dengan buah-buahan dan daging daripada berbagai jenis yang mereka ingini.”

(At-Tur: Ayat 22)

Bukan setakat buah yang berlainan rasa dan rupa, daging juga bukan setakat daging burung, tetapi segala jenis daging yang mereka ingini. Peminat daging kambing boleh mendapatkannya. Daging harimau menangis dan sebagainya, khas bagi tetamu-tetamu Allah SWT.

Air minuman pula daripada pelbagai jenis termasuklah arak, madu dan susu yang terdapat sungai khusus mengalir untuk mereka minum.

Firman Allah SWT:

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِنْ مَّاءٍ غَيْرِ آسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِنْ لَبَنٍ لَّمْ يَتَغَيَّرَ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِنْ حَمْرٍ لَذَّةٍ لِلشُّرْبِ وَأَنْهَارٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَفًّى وَلَهُمْ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَمَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ كَمَنْ هُوَ خَالِدٌ فِي النَّارِ وَسُقُوا مَاءً حَمِيمًا فَقَطَّعَ أَمْعَاءَهُمْ

Sifat syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa (ialah seperti berikut): Ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), dan beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih. Dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan, serta keredaan dari Tuhan mereka. (Adakah orang-orang yang tinggal kekal di dalam syurga yang sedemikian itu keadaannya) sama seperti orang-orang yang tinggal kekal di dalam neraka dan diberi minum dari air yang menggelegak sehingga menjadikan isi perut mereka hancur? (Sudah tentu tidak sama)!

(Muhammad: Ayat 15)



Sebahagian mufasirin menyebut ketiga-tiga sungai yang mengalir ini lahir dari asal yang baik dan suci. Bukan seperti di dunia, air seperti arak terhasil dengan peraman anggur yang membusuk. Susu keluar dari laluan najis dan darah binatang. Madu pula keluar dari perut lebah. Air-air di dalam syurga ini berasal dari syurga itu sendiri, bukan penghasilan sesuatu yang lain yang mungkin membusuk ataupun rosak.

Subhanallah! Maha suci Allah SWT yang menganugerahkan kepada hamba-hambanya segala nikmat ini untuk keselesaan tetamu-Nya yang Esa. Ini merupakan janji-Nya kepada hamba-hamba-Nya. Dan Allah SWT sama sekali tidak akan memungkiri janji-Nya.

Oleh yang demikian, seorang manusia yang berakal wajib mengambil kesempatan ini dan beribadah kepada Allah sebaik yang mungkin supaya dapat masuk ke dalam syurga Allah SWT. Sepertimana dia telah merasai penjagaan Allah SWT ketika di dunia meliputi rezeki, kehidupan dan kebahagiaan, Tuhan inilah yang akan mengganjari mereka di akhirat kelak. Keyakinan itulah keimanan. Berpeganglah kepada iman dan amal, nescaya kita semua mendapat keredaannya serta kurniaan syurga-Nya yang Esa.

Setiap orang dari kita juga tidak terlepas dari bermuhasabah diri, adakah layak dia mendapat syurga Allah SWT ini. Adakah dia telah memenuhi segala janji-janji kepada Allah SWT supaya mengesakan dan tidak menyembah selain Dia yang Esa.

Wallahuallam.



# Tersungkur Di Pintu Syurga



Dr. Halim Bin Ismail  
Kulliyah Pendidikan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

## PENDAHULUAN

Syurga merupakan suatu tempat paling istimewa yang disediakan oleh Allah SWT di akhirat kepada hamba-hamba-Nya yang melakukan amal soleh dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mereka akan mendapat pelbagai nikmat yang disediakan Allah SWT di dalamnya. Firman Allah SWT:

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وَعَدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِنْ مَّاءٍ غَيْرِ آسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِنْ لَبَنٍ لَمْ يَتَغَيَّرَ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِنْ خَمْرٍ لَذَّةٍ لِلشَّرِيبِينَ هَ وَأَنْهَارٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَفًّى وَلَهُمْ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَمَغْفِرَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ ۗ كَمَنْ هُوَ خَالِدٌ فِي النَّارِ وَسُقُوا مَاءً حَمِيمًا فَقَطَّعَ أَمْعَاءَهُمْ

Maksudnya: Perumpamaan taman surga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa; di sana ada sungai-sungai yang airnya tidak payau, dan sungai-sungai air susu yang tidak berubah rasanya, dan sungai-sungai khamar (anggur yang tidak memabukkan) yang lazat rasanya bagi peminumnya dan sungai-sungai madu yang murni. Di dalamnya mereka memperoleh segala macam buah-buahan dan keampunan daripada Tuhan mereka. Samakah mereka dengan orang yang kekal dalam neraka, dan diberi minuman dengan air yang mendidih sehingga ususnya terpotong-potong?

(Surah Muhammad: Ayat 15)

Walaupun bagaimanapun, manusia tidak dapat lari daripada pelbagai ujian yang menentukan kejayaan atau kegagalan sama ada di dunia atau di akhirat. Kehidupan sementara yang serba indah di dunia ini menjadi medan utama bagi memastikan setiap amalan yang dilakukan akan mendapat rahmat dan ganjaran daripada Allah SWT seterusnya membawa ke destinasi kekal abadi iaitu di syurga.

Peringatan demi peringatan telah disampaikan oleh Allah SWT dan baginda Rasulullah SAW sebagai pedoman bagi manusia menghadapi liku-liku di hari-hari yang mendatang di dalam kehidupan. Peringatan-peringatan tersebut adalah supaya manusia berpeluang memasuki syurga dan terhindar daripada memasuki neraka. Caranya ialah dengan sentiasa melakukan amalan kebaikan dan menjauhi amalan yang bertentangan dengan syariat.

Seandainya manusia sentiasa leka daripada mengikuti saranan-saranan oleh Rasulullah SAW, dibimbangi amalan-amalan yang dilakukan hanyalah sia-sia. Hal ini menyebabkan mereka tersungkur di pintu syurga lalu terjerumus ke dalam neraka. Allah SWT berfirman:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا (١٠٣) الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يُحْسِبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا (١٠٤)

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad), 'Apakah ingin Kami memberitahu kepada kalian tentang orang-orang yang paling rugi perbuatannya?'. (Mereka itu) ialah orang yang sesat usahanya di dalam kehidupan dunia ini, sedangkan mereka menyangka bahwa mereka itu melakukan sebaik-baik amalan.

(Surah al-Kahfi: Ayat 103-104)

### TIDAK MENTAATI RASULULLAH SAW

Setiap daripada umat Nabi Muhammad SAW akan masuk ke dalam syurga kecuali mereka yang enggan memasukinya. Golongan tersebut adalah mereka yang tidak mentaati Rasulullah SAW. Sabda baginda:

كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَبِي ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَنْ يَا أَبِي ؟ قَالَ : مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ  
الْجَنَّةَ وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبِي

Maksudnya: "Setiap umatku akan masuk syurga, kecuali orang-orang yang enggan untuk memasukinya. Para sahabat bertanya, siapakah orang yang enggan tersebut wahai Rasulullah? Baginda menjawab, "Sesiapa yang mentaatiku akan masuk ke dalam syurga, manakala sesiapa yang tidak taat kepadaku sesungguhnya dia adalah orang yang enggan (masuk syurga)."

(Riwayat Bukhari)

Perintah supaya taat kepada Rasulullah SAW telah dinyatakan di dalam al-Quran:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكٰفِرِينَ

Maksudnya: "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Taatilah Allah dan Rasul-Nya; jika kamu berpaling, maka sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang kafir."

(Surah Ali Imran: Ayat 32)

### DERHAKA KEPADA IBU BAPA

Terdapat banyak hadis Rasulullah SAW yang menerangkan tentang akibat mereka yang menderhaka kepada kedua ibu bapanya. Di dalam sebuah hadis, ada dinyatakan tentang empat golongan yang dihalang daripada memasuki syurga. Antara golongan tersebut ialah mereka yang menderhaka kepada kedua-dua ibu bapanya.

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

أَرْبَعٌ حَقٌّ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُدْخِلَهُمُ الْجَنَّةَ ، وَلَا يُدْبِقَهُمْ نَعِيمَهَا : مُدْمِنٌ حَمْرٍ ، وَآكِلُ رِبَا ، وَآكِلُ مَالِ  
الْيَتِيمِ بغيرِ حَقِّ ، وَالْعَاقُّ لَوَالِدَيْهِ

Maksudnya: "Terdapat empat golongan manusia yang menjadi hak Allah SWT untuk tidak memasukkan mereka ke dalam syurga dan tidak akan diberi kenikmatan syurga, iaitu orang yang mengekalkan minum minuman keras, memakan riba, memakan harta anak-anak yatim tanpa hak dan menderhaka kepada kedua orang tua."

(Riwayat Hakim dan al-Baihaqi)

### LELAKI DAYUS

Lelaki dayus adalah suami atau bapa yang langsung tidak mempedulikan tentang aurat dan pergaulan isteri dan anak-anaknya. Dia sebaliknya hanya membiarkan sahaja isteri dan anak-anaknya bergaul bebas, mendedahkan aurat dan melanggar batas-batas syariat tanpa sebarang usaha untuk mengawal dan mencegahnya. Rasulullah SAW telah mengingatkan tentang hal ini melalui sabdanya:

ثَلَاثَةٌ لَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ الْعَاقُّ لَوَالِدَيْهِ وَالدِّيُّوثُ وَرَجُلَةٌ النَّسَاءِ

Maksudnya: "Tiga golongan yang tidak akan masuk syurga ; orang yang derhaka kepada ibu-bapanya, lelaki dayus dan lelaki yang menyerupai wanita."

(Riwayat Imam Ahmad, Al-Hakim dan Al-Baihaqi)

### MENCARI ILMU AKHIRAT UNTUK TUJUAN DUNIAWI

Menuntut ilmu adalah sesuatu yang fardu ain hukumnya dan perlu diutamakan terutamanya ilmu akhirat. Walaubagaimanapun, jika ilmu akhirat dicari hanya untuk tujuan duniawi semata-mata, golongan berkenaan tidak akan dapat memasuki syurga.



Baginda Rasulullah SAW bersabda:

من تعلم علماً مما يبتغى به وجه الله لا يتعلمه إلا ليصيب به عرضاً من الدنيا لم يجد عرف الجنة

Maksudnya: "Barang siapa menuntut ilmu yang seharusnya untuk mencari keredaan Allah, namun dia tidak menuntutnya kecuali untuk mencari dunia, maka pada hari kiamat dia tidak akan mendapatkan bau syurga."

(Riwayat Abu Daud)

## BERSIFAT SOMBONG

Orang yang sombong tidak dapat mencium bau syurga kelak. Baginda Rasulullah SAW bersabda di dalam suatu hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah ibn Mas'ud:

لا يدخل الجنة من كان في قلبه مثقال ذرة من كبر

Maksudnya: "Tidak akan memasuki syurga sesiapa yang terdapat sifat sombong sebesar sebiji sawi di dalam hatinya."

(Riwayat Muslim)

## MEMFITNAH DAN MENYAKITI ORANG LAIN

Sesungguhnya kita sangat takut jika ada dalam kalangan kita akan termasuk dalam kalangan golongan yang muflis di akhirat kelak. Abu Hurairah RA meriwayatkan, bahawa Rasulullah SAW bertanya:

أَتَدْرُونَ مَا الْمُفْلِسُ؟ قَالُوا: الْمُفْلِسُ فِينَا مَنْ لَا دِرْهَمَ لَهُ وَلَا مَتَاعَ، فَقَالَ: إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَاةٍ، وَصِيَامٍ، وَزَكَاةٍ، وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا، وَقَذَفَ هَذَا، وَأَكَلَ مَالَ هَذَا، وَسَفَكَ دَمَ هَذَا، وَضَرَبَ هَذَا، فَيُعْطَى هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ فَيِّتَ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ أُخِذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ، ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ

Maksudnya: "Tahukah kamu siapakah orang yang muflis itu?" Para sahabat menjawab: "Orang yang muflis dalam kalangan kami adalah orang yang sudah tidak lagi memiliki dirham dan harta benda." Baginda bersabda: "Orang yang muflis adalah orang yang datang pada hari kiamat dengan membawa amalan solat, zakat dan puasa, namun dia datang dalam keadaan dahulu pernah mencaci maki si fulan, menuduh dan memfitnah si fulan, memakan harta si fulan, menumpahkan darah si fulan dan memukul si fulan. Amal-amal kebajikannya dibahagi-bahagikan kepada orang-orang tersebut. Jika hak yang pernah dia langgar belum dapat dipenuhi semuanya, sedangkan amal-amal kebajikannya sudah habis, maka kesalahan-kesalahan (dosa-dosa) mereka diambil lalu dipikulkan ke belakangnya. Kemudian dia dilempar ke dalam neraka."

(Riwayat Muslim)

Janganlah kita memandang ringan perbuatan menyakiti dan mencabuli hak orang lain. Perbuatan ini perlu sentiasa dielakkan. Pada masa yang sama, janganlah pula kita mengikut keegoan diri untuk tidak memaafkan kesalahan orang lain, sedangkan Allah SWT pun sentiasa mengampuni dosa hamba-hambanya. Mudah-mudahan amalan ini akan menjadi asbab agar Allah SWT mengampuni dosa-dosa kita dan mengelakkan kita daripada menjadi muflis di akhirat.

## KESIMPULAN

Sesungguhnya syurga merupakan nikmat Allah SWT yang tertinggi bagi sesiapa yang melakukan kebaikan dan menjauhi maksiat. Allah SWT dan Rasul-Nya telah menjelaskan tentang jalan-jalan untuk memasuki syurga. Walaubagaimanapun, sifat lalai daripada peringatan-peringatan Allah SWT dan Rasul-Nya akan mengakibatkan kita sentiasa menyangka bahawa amalan yang dilakukan sudah mencukupi untuk mendapat reda Allah SWT lalu berjaya memasuki syurga. Sedangkan sebenarnya segala perbuatan tersebut hanyalah sesuatu yang sia-sia yang menyebabkan kita tersungkur di pintu syurga Allah SWT lalu terjerumus ke dalam neraka. Oleh itu, kita perlu sentiasa refleksi diri tentang niat dan amalan yang dilakukan supaya benar-benar menepati ajaran Islam bagi membolehkan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

# Hadis

## "Akan Muncul Kepada Kamu Sekarang Seorang Ahli Surga"

Daripada Anas RA, beliau berkata:

كُنَّا جُلُوسًا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "يَطْلُعُ عَلَيْكُمْ الْآنَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ" فَطَلَعَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ، تَنْطُفُ لِحَيْثُهُ مِنْ وُضُوئِهِ، قَدْ تَعَلَّقَ نَعْلَيْهِ فِي يَدِهِ الشِّمَالِ، فَلَمَّا كَانَ الْعَدُوُّ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، مِثْلَ ذَلِكَ، فَطَلَعَ ذَلِكَ الرَّجُلُ مِثْلَ الْمَرَّةِ الْأُولَى. فَلَمَّا كَانَ الْيَوْمُ الثَّلَاثِ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، مِثْلَ مَقَالَتِهِ أَيْضًا، فَطَلَعَ ذَلِكَ الرَّجُلُ عَلَى مِثْلِ حَالِهِ الْأُولَى، فَلَمَّا قَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَبِعَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ فَقَالَ: إِنِّي لَأَحِثُّ أَبِي فَأَقْسَمْتُ أَنْ لَا أَدْخُلَ عَلَيْهِ ثَلَاثًا، فَإِنْ رَأَيْتَ أَنْ تُؤْوِيَنِي إِلَيْكَ حَتَّى تَمْضِيَ فَعَلْتُ؟ قَالَ: نَعَمْ

"Kami sedang duduk bersama Rasulullah SAW, maka baginda pun berkata: "Akan muncul kepada kamu sekarang seorang ahli syurga." Maka muncullah seseorang dari kaum Ansar, janggutnya masih basah terkena air wudhu', sambil menggantungkan kedua sandalnya di tangan kirinya. Tatkala keesokan hari, Nabi SAW mengucapkan perkataan yang sama, dan muncullah orang itu lagi dengan keadaan yang sama seperti kelmarin. Tatkala keesokan harinya lagi (hari yang ketiga) Nabi SAW juga mengucapkan perkataan yang sama dan muncul juga orang tersebut dengan keadaan yang sama juga. Tatkala Nabi SAW berdiri (pergi) maka Abdullah bin 'Amr bin al-'As mengikuti orang tersebut lalu berkata kepadanya: "Aku menghadapi masalah dengan ayahku dan aku bersumpah untuk tidak masuk ke rumahnya selama tiga hari. Bolehkah menurutmu aku menginap di rumahmu hingga berlalu tiga hari? Maka orang tersebut berkata, "Silakan".



Anas bin Malik R.A melanjutkan cerita kisah tersebut:

وَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ يُحَدِّثُ أَنَّهُ بَاتَ مَعَهُ تِلْكَ اللَّيَالِي الثَّلَاثَ، فَلَمْ يَرَهُ يَقُومُ مِنَ اللَّيْلِ شَيْئًا، غَيْرَ أَنَّهُ إِذَا تَعَارَى وَتَقَلَّبَ عَلَى فِرَاشِهِ ذَكَرَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَكَبَّرَ، حَتَّى يَقُومَ لِصَلَاةِ الْفَجْرِ. قَالَ عَبْدُ اللَّهِ: غَيْرَ أَنِّي لَمْ أَسْمَعُهُ يَقُولُ إِلَّا خَيْرًا، فَلَمَّا مَضَتِ الثَّلَاثُ لَيْالٍ وَكِدْتُ أَنْ أَحْقِرَ عَمَلَهُ، قُلْتُ: يَا عَبْدَ اللَّهِ إِنِّي لَمْ يَكُنْ بَيْنِي وَبَيْنَ أَبِي غَضَبٌ وَلَا هَجْرٌ تَمَّ، وَلَكِنْ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَكَ ثَلَاثَ مِرَارٍ: ” يَطَّلِعُ عَلَيْكُمْ الْآنَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ ” فَطَلَعْتَ أَنْتَ الثَّلَاثَ مِرَارٍ، فَأَرَدْتُ أَنْ آوِيَ إِلَيْكَ لِأَنْظُرَ مَا عَمَلُكَ، فَأَقْتَدِي بِهِ، فَلَمْ أَرَكَ تَعْمَلُ كَثِيرَ عَمَلٍ، فَمَا الَّذِي بَلَغَ بِكَ مَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: مَا هُوَ إِلَّا مَا رَأَيْتَ. قَالَ: فَلَمَّا وَلَيْتُ دَعَانِي، فَقَالَ: مَا هُوَ إِلَّا مَا رَأَيْتَ، غَيْرَ أَنِّي لَا أَجِدُ فِي نَفْسِي لِأَحَدٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ غِشًّا، وَلَا أَحْسُدُ أَحَدًا عَلَى خَيْرٍ أَعْطَاهُ اللَّهُ إِيَّاهُ. فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ هَذِهِ الَّتِي بَلَغْتَ بِكَ، وَهِيَ الَّتِي لَا نُطِيقُ

“Abdullah bin ‘Amr bin al-‘As menceritakan bahawa beliau pun menginap bersama orang tersebut selama tiga malam. Namun dia sama sekali tidak melihat orang tersebut mengerjakan solat malam. Hanya sahaja jika dia terjaga pada malam hari dan berbolak-balik di tempat tidur, maka dia pun berzikir kepada Allah dan bertakbir, hingga akhirnya dia bangun untuk solat subuh. Abdullah berkata: “Hanya sahaja aku tidak pernah mendengarnya mengucapkan sesuatu kecuali kebaikan. Dan tatkala berlalu tiga hari – dan hampir saja aku meremehkan amalannya - maka aku pun berkata kepadanya: “Wahai hamba Allah (fulan), sesungguhnya tidak ada permasalahan antara aku dan ayahku, apalagi boikot. Akan tetapi aku mendengar Rasulullah SAW bersabda sebanyak tiga kali: “Akan muncul sekarang kepada kamu seorang penduduk syurga”, lantas engkaulah yang muncul. Maka aku pun ingin menginap bersamamu untuk melihat apa sahaja amalanmu untuk aku contohi, namun aku tidak melihatmu banyak beramal. Maka apakah yang telah menjadikan engkau sebagaimana sabda Nabi SAW?” Lelaki itu berkata: “Tidak ada kecuali amalanku yang engkau lihat.” Abdullah berkata: “Tatkala aku berpaling pergi maka dia pun memanggilkmu dan berkata: Amalanku hanyalah yang engkau lihat. Hanya sahaja aku tidak menyimpan perasaan dengki (jengkel) dalam hatiku kepada seorang Muslim pun dan aku tidak pernah hasad kepada seorang pun atas kebaikan yang Allah berikan kepadanya.” Abdullah berkata, “Inilah amalan yang menjadikan engkau (menjadi penduduk syurga), dan inilah yang tidak kami mampu.”

Riwayat Ahmad (12697) dan al-Nasa'ie dalam al-Sunan al-Kubra (10699). Ibn Kathir berkata: Riwayat ini sanadnya sahih. Syeikh Syu'aib al-Arnaut dalam takhrij al-Musnad (12697) menyatakan isnadnya sahih mengikut syarat al-Syaikhain.

# Kerana Syurga Itu Murah



Siti Sabila binti Che Pa

## IMAN DAN TAKWA TIDAK BOLEH DIJUAL BELI.

Harga syurga bukan terletak pada nilai MATA WANG. Tetapi harga syurga itu terletak pada nilai IMAN dan TAKWA. Orang paling miskin dalam dunia ini pun layak ke syurga. Asbabnya apa? Kerana ketakwaan mereka. Allah SWT berfirman,

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

“Dan bersegeralah kamu kepada ampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa.”

(Surah Ali Imran: Ayat 133)

Sebenarnya, perjalanan menuju syurga itu yang mahal. Mahal kerana ada tanggungjawab yang perlu kita lunaskan. Tanggungjawab itu sangatlah banyak, pada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan juga agama. Dalam pertanggungjawaban itulah, akan membuah nilai iman dan takwa kita.

Saya langsung teringat perbualan dengan suami, satu kisah ini, ianya tentang tanggungjawab dan hak yang tak tertunai dalam hubungan pasangan suami isteri. Kisah ini dekat di hati saya. Juga saya yakin dekat dengan anda semua, kerana isunya, ada kita bersama.

“Kasihian kawan sekerja abang, dia selalu mengadu dia tak bahagia, dah tak ada rasa cinta kepada isteri. Anak-anak pun banyak duduk dengan nenek.”

“Dia nak buat takaful. Boleh dia kata, nak letakkan penama takaful tu atas nama isteri, kalau isteri dia mati, duit tu dapat kepada dia, sampai tahap tu.”

“Betullah tu.”

“Memang betul. Tapi, masa dia cakap tu serius, macam mendoakan isteri dia mati cepat-cepat. Abang dengar pun, dia macam tak berperasaan je.”

“Isteri dia kerja nurse. Selalu juga sakit. Dia balik kerja, rumah bersepah, kadang bila sampai rumah lewat, bawa balik nasi bungkus. Jarang sangat memasak melainkan hujung minggu. Saya ada nasihat dan tanya beberapa perkara, ada ke bagi hadiah, buat surprise atau pergi bercuti. Bagi isteri gembira. Dia tak pernah buat semua tu.”

“Anak dah berapa orang?”

“Empat.”



“Masya-Allah luar biasa hebat isteri dia, mampu bertahan sampai ke tahap itu.”

“Kenapa?”

### TIMBANGAN AMANAH

Ya, dalam situasi mereka, hidup sebagai sebuah keluarga dwikerja, banyak cabarannya. Saya tahu maksud luahan si suami. Namun, adakah dia faham keadaan si isteri, juga faham akan tanggungjawab dia sebagai suami yang mempunyai isteri bekerja. Isteri, tidak mampu membuat semua kerja apatah lagi jika tidak dapat mengimbangkan urusan kerjaya dan urusan rumahtangga sekaligus.

Segelintir masyarakat kita masih berfikir tipikal. Dimana, urusan rumahtangga diurus oleh isteri seorang diri, macam mak-mak kita dahulu. Suami dalam banyak perkara mahu dilayan dan dimanjai oleh isteri. Zaman sudah maju selari dengan kecanggihan teknologi dan capaian internet, cara hidup sudah berubah dan kualiti hidup turut merudum sekiranya tidak dikawal. Jika berterusan akan mencetuskan tekanan emosi, keletihan mental dan fizikal, juga pergolakan rumahtangga.

“Hebatlah. Mampu bertahan dan sabar dengan suami macam tu. Anak pun dah empat orang. Banyak mana hati yang terluka dia jahit sendiri. Bayangkanlah, suami mengharap urusan rumahtangga diurus seperti isterinya bekerja sebagai suri rumah. Nurse, kerjaya yang sangat penat tau. Penat fizikal dan emosi. Balik rumah, terbeban pula dengan sikap suami yang nakkan kesempurnaan. Penghargaan buat isteri langsung tak ada, tanda terima kasih bantu sumbang ekonomi keluarga.”

“Itulah, banyak faktor sebenarnya.”

“Dan yang penting, suami tu dulu... Peranan suami sebagai ketua keluarga, mendidik isteri, bukan hanya tahu mengeluh itu ini. Isteri pula kena pandai mengimbangi peranan dan tanggungjawab sebagai isteri, ibu dan seorang pekerja. Betul tak, sayang?”

“Yelah, betul tu.”

“Tanggungjawab keluarga buatlah sama-sama. Itu je sebenarnya. Memetik kata-kata ulama Syakh al-Islam Ibn Taymiyah “Seorang isteri perlu melayani suami mengikut cara yang diterima oleh adat dan budaya masyarakat setempat selagi mana ia tidak bercanggah dengan syarak. Maknanya, lagi hebat suami tolong memasak, lipat kain, sidai kain dan jaga baby. Kena ubah cara fikir tipikal dulu-dulu tu. Isteri mesti dibantu.”

“Sekarang kena didik anak tak kira lelaki atau perempuan, mahir buat kerja rumah, bukan tahu buat konten kat TikTok je.”

Begitulah. Dalam menyulam hidup sebagai pasangan dwi bekerjaya dan sebaliknya juga, suami atau isteri ada peranan dan tanggungjawab masing-masing tengok kepada keperluan sesebuah keluarga tersebut. Apa yang diperlukan disini adalah sikap saling bertolak ansur dan cuba untuk memahami diantara satu sama lain, supaya tiada isu besar yang akan berlaku.


“Dia mengaku, dia banyak buat dosa. Dia kata seperti telah gagal sebagai seorang suami, seorang ayah, dan seorang anak.”

‘Dosa... Masya-Allah. Setiap amanah yang dipertanggungjawabkan ada dosa dan pahalanya. Itu masalah dia. Kita? Juga tak terlepas dari dosa. Banyak lupa dan alpa. Bebanan dosa itulah yang memberat untuk kita pulang ke syurga jika kita tidak bertaubat. Untung jika sedar.’ Saya beristighfar berkali-kali apatah lagi kami juga pendosa yang sangat mahu ke syurga.

### TAKUT MASUK SYURGA KERANA RASA BANYAKNYA DOSA

Allahuakbar, itu baharu satu juzuk dari juzuk-juzuk tanggungjawab sebagai pasangan suami isteri. Sedangkan banyak lagi tanggungjawab lain yang lebih besar perlu kita lunaskan, sebagai khalifah Allah SWT di dunia ini, yang tidak kita tunaikan? Layakkah kita masuk syurga sedangkan dosa kita lebih besar dari dunia? Kita sebagai manusia biasa, kadang lupa dan lalai apa tujuan utama hidup di atas muka bumi ini. Adakah hanya memikirkan untuk mendapat isteri cantik, suami kacak dan harta yang menimbun?





Orang mukmin, melihat dosa-dosanya sebagai sebuah gunung yang akan jatuh pada bila-bila masa ke atas bahunya. Orang munafik pula melihat dosa sebagai seekor lalat, hanya ditepiskan sahaja apabila ia menghinggap. Kita? Bagaimana agaknya memandang dosa-dosa kita? Sebab itu, orang soleh seperti para sahabat, sentiasa muhasabah diri dan sentiasa merasa banyaknya dosa. Mari kita menyelusuri beberapa kisah magis para sahabat yang sangat mahu masuk syurga, namun dirasakan tidak layak oleh kerana dosa-dosa.

Umar Al-Khatab RA mendengar Nabi SAW bersabda: *"Suatu saat akan datang seseorang bernama Uwais bin 'Amir bersama serombongan kafilah dari Yaman. Ia berasal dari Murad kemudian dari Qarn. Ia memiliki penyakit kulit kemudian sembuh darinya kecuali bagian satu dirham. Ia punya seorang ibu dan sangat berbakti padanya. Seandainya ia mau bersumpah pada Allah maka akan diperkenankan yang ia pinta. Jika engkau mampu agar ia meminta pada Allah supaya engkau diampuni, mintalah padanya."* (HR Muslim).

Maka, pada musim haji, Umar Al-Khatab menunggu ketibaan kabilah dari Yaman dan beliau berjaya bertemu dengan Uwais Al-Qarni. Kenapa Umar Al-Khatab bersusah payah ingin bertemu? Apa doa yang diminta itu? Adakah amirul mukminin itu meminta doa menjadi khalifah hebat? Mahu kaya-raya? Tidak. Dia hanya mahu satu doa, iaitu minta kepada Allah SWT supaya ampunkan dosanya. Masya-Allah, masih risaukan akan dosa, sedangkan Nabi SAW sudah menjamin bahawa dia adalah seorang ahli syurga.

Saya datangkan pula kisah Hasan Al-Basri. Satu ketika, beliau berjalan melintasi seorang pemuda yang sedang ketawa terbahak-bahak, sedangkan dia duduk bersama dalam kumpulan satu majlis. Imam Hasan Al-Basri bertanya kepada anak muda itu, "Wahai anak muda, adakah engkau sudah pernah melalui jambatan sirath?" Pemuda itu menjawab, belum." Imam Hassan kembali bertanya, "Apakah Engkau tahu nasibmu bakal ke neraka atau ke syurga? Pemuda itu menjawab, "Tidak." Imam Hasan pun bertanya, "Lantas, apa ertinya tertawa itu tadi?" Setelah peristiwa itu, si pemuda tidak pernah terlihat tertawa terbahak-bahak lagi. (Ihya' Ulumuddin, 13/2382).

Ketawa tidak salah, malah tidak haram tetapi, jika berlebihan hati menjadi keras sehingga lupa yang kita belum pasti masuk syurga.

Masya-Allah, sentap!

Sekarang, berhenti membaca. Ambil telefon dan *selfie*. Ya. Terus saja *selfie*. Kemudian lihat kembali apa yang ada pada foto tersebut? Jika kita melihat foto itu hodoh, maka ia kelihatan hodoh. Jika kita lihat ia cantik, ia akan kelihatan cantik. Kali ini, tepuk dada tanya iman, biar iman berbicara dan katakan, ia kelihatan hodoh sekali supaya kali ini kita dapat muhasabah, buang apa yang tidak sepatutnya ada pada diri kita.

Saya pernah melihat satu video pendek di TikTok oleh TikToker remaja @asyrafmuiz, sangat menarik perumpamaannya, Apa beza syurga dengan neraka? Neraka mahal. Kenapa? Judi bayar, mabuk bayar, berzina juga bayar. Syurga pula? Solat percuma, mengaji percuma, puasa percuma. Tapi ramai manusia yang leka lebih mengejar neraka dari syurga.

Deep. Buang perkara yang sia-sia, mari mula fokus syurga! Dengan berjuang tingkatkan dan bekalkan diri dengan iman dan takwa.

### LAYAKKAH PULANG KE SYURGA?

Layakkah kita pulang ke syurga nanti? Oleh kerana itu, sebagai muslim wajib berusaha untuk bertakwa kepada Allah SWT semaksima yang boleh kita lakukan, berusaha melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan seluruh larangan-Nya. Jika terjatuh ke dalam maksiat maka dia segera bertaubat. Kerana takwa adalah asbab seorang muslim masuk ke dalam syurga.

# NAMA-NAMA SYURGA DAN TINGKATNYA



Affah Syarfa binti Hasran  
Bahagian Penerbitan,  
Jakim

## 1. SYURGA FIRDAUS

Syurga paling masyhur yang mempunyai darjat tertinggi di antara syurga-syurga yang lain dicipta oleh Allah dari emas merah. Syurga ini diperuntukkan untuk orang yang bertakwa kepada Allah SWT, orang yang benar-benar beriman dan beramal soleh serta orang yang takut kepada kebesaran Allah SWT dan menahan diri daripada menuruti hawa nafsu.

## 2. SYURGA 'ADN

Syurga yang diciptakan oleh Allah daripada mutiara putih. Syurga ini disediakan untuk orang yang beriman dan beramal soleh, orang yang sabar kerana mencari keredaan Tuhannya, mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Allah berikan, menolak kejahatan dengan kebaikan, orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh dan yang membalas kejahatan dengan kebaikan.

## 3. SYURGA NA'IM

Syurga Na'im dicipta oleh Allah SWT dari perak putih. Diperuntukkan untuk orang yang beriman dan beramal soleh, orang yang bertakwa serta yang selalu menolong agama Allah.

## 4. SYURGA MA'WA

Syurga Ma'wa dicipta oleh Allah dari zamrud hijau. Syurga Ma'wa diperuntukkan bagi mereka yang selalu takut kepada Allah, dia benar-benar beriman dan beramal soleh serta takut kepada kebesaran Allah SWT dan menahan diri dari menuruti hawa nafsu.

## 5. SYURGA DARUSSALAM

Syurga yang didiami oleh orang yang kuat iman dan islamnya, mengamalkan ayat-ayat al-Quran dalam kehidupan seharian dan mengerjakan amal soleh.

## 6. SYURGA DARUL MUQAMAH

Syurga yang dicipta oleh Allah daripada permata putih bagi orang yang bersyukur kepada Allah. Orang yang menetap di syurga ini tidak pernah merasa Lelah dan tidak merasa lesu.

## 7. SYURGA AL-MAQAMUL AMIN

Syurga yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Allah berfirman: "Sesungguhnya, orang-orang yang bertakwa berada di dalam tempat yang aman." (Ad-Dukhan: 51)

## 8. SYURGA KHULDI

Syurga yang diperuntukkan bagi orang-orang yang taat menjalankan perintah Allah dan menjauhi larangannya.

# INDAHNYA SYURGA

(TEKS KHUTBAH JUMAAT KHAS PKP 29/10/2021)

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَوَحْدَهُ وَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ، يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## Sidang Jumaat Yang Berbahagia,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah, dengan mentaati segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah; "INDAHNYA SYURGA".

## Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah Sekalian,

Syurga itu dipenuhi dengan segala keindahan dan kenikmatan yang dijanjikan oleh Allah SWT untuk para hamba-Nya yang soleh dan beriman. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Insan, ayat 20;

وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا وَمُلْكًا كَبِيرًا ﴿٢٠﴾

Maksudnya; "Dan apabila kamu melihat di sana (syurga), nescaya kamu akan melihat berbagai macam kenikmatan dan kerajaan yang besar".

Keindahan yang terdapat di dalam syurga adalah sesuatu yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga, tidak pernah terlintas oleh hati dan tidak pernah terbayang oleh akal fikiran. Rasulullah SAW bersabda:

"قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَعَدَدْتُ لِعِبَادِي الصَّالِحِينَ مَا لَا عَيْنٌ رَأَتْ وَلَا أُذُنٌ سَمِعَتْ وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلْبِ بَشَرٍ".



Maksudnya; **"Allah tabaraka wa taala berfirman : Aku telah menyiapkan untuk hamba-hambaKu yang soleh apa-apa yang belum pernah dilihat oleh mata, didengar oleh telinga dan belum pernah terlintas dalam jantung hati manusia".**

#### Sidang Jumaat Yang Dimuliakan,

Terdapat banyak dalil-dalil dari sumber Al-Quran dan Hadis yang menyebut tentang keindahan dan kenikmatan yang diperolehi oleh ahli syurga, antaranya ialah;

**Pertama;** Syurga yang bakal didiami oleh para penghuninya amatlah luas. Seluas langit-langit dan bumi, sepertimana Allah SWT berfirman dalam surah Al-Hadid ayat 21 :

سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا عَرْضُ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ  
ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ۗ ﴿٢١﴾

Maksudnya; **"Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasulNya".**

**Kedua;** Syurga bukan sahaja luas, tetapi binaan dan segala perhiasan di dalamnya terdiri daripada emas, perak, permata, mutiara zamrud, wangian minyak kasturi, za'faran, dan segala perkara yang menyukakan hati dan pandangan mata, para penghuninya pula sentiasa muda buat selama-lamanya.

قُلْنَا الْجَنَّةُ مَا بَنَّاوَهَا قَالَ لَبِنَةٌ مِّن لَّبِنَةٍ مِّن ذَهَبٍ وَمِمَّا لَطَّهَا الْمِسْكُ الْأَذْفَرُ  
وَحَصْبًاوَهَا اللَّوْلُؤُ وَالْيَاقُوتُ وَتُرْبَتُهَا الزَّعْفَرَانُ مَن دَخَلَهَا يَنعَمُ لَا يَبْئَسُ وَيَخْلُدُ لَا  
يَمُوتُ لَا تَبْلَى ثِيَابُهُمْ وَلَا يَفْنَى شَبَابُهُمْ

Maksudnya; **Kami (para sahabat Radiyallahuanhum) bertanya: "Syurga itu , binaanya (diperbuat) daripada apa?" Beliau (Nabi SAW) menjawab: " (Diperbuat daripada) batu bata dari perak dan emas, tanah liatnya dari minyak kasturi yang harum, batu kerikilnya dari mutiara dan permata, debu (tanahnya) dari za'faran, barangsiapa memasukinya, ia bersenang-senang (didalamnya) dengan tidak merasa jemu, (hidup) kekal (didalamnya), tidak mati, pakaian-pakaian mereka (yang cantik) tidak (akan menjadi) lusuh, mereka sentiasa muda, tidak dimamah (usia).**

(Riwayat Attirmizi)

#### Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

**Yang Ketiga;** Suasana di dalam syurga dan tempat berehatnya amatlah cantik, selesa, nyaman, tenang, tidak panas membakar dan tidak pula sejuk menggigil, sepertimana Allah SWT berfirman;

مُتَّكِنِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرْضِ عَلَيْكَ لَا يَرَوْنَ فِيهَا شَمْسًا وَلَا زَمَهْرِيرًا ﴿١٣﴾

Maksudnya; **"Mereka berehat di dalam syurga dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias), mereka tidak nampak di situ adanya matahari (usahakan hawa panasnya), dan tidak juga merasai suasana yang terlampau sejuk".**

(Surah Al-Insan: Ayat 13)

**Keempat;** Terdapatnya sungai-sungai yang indah, luar biasa di syurga dan amat jauh bandingannya dengan sungai-sungai yang indah di dunia ini. Sungai di syurga terdiri daripada sungai susu, madu yang bersih, segar, lazat yang tidak berubah rasa dan baunya. Kekal selama-selamanya. Tiada hujan, panas dan segala perkara yang boleh mengurangkan rasa nikmatnya minuman di syurga. Ada pula sungai-sungai yang

berisi dari arak yang begitu lazat, yang tidak memabukkan sepertimana di dunia hari ini. Segalanya tak dapat nak dibayangkan, cukuplah kepercayaan, keyakinan kita akan benarnya janji-janji Allah SWT sebagaimana telah dijelaskan dalam firman-Nya :

مَثَلُ الْجَنَّةِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ فِيهَا أَنْهَارٌ مِنْ مَاءٍ غَيْرِ آسِنٍ وَأَنْهَارٌ مِنْ لَبَنٍ لَمْ يَتَغَيَّرَ طَعْمُهُ وَأَنْهَارٌ مِنْ خَمْرٍ لَذَّةٍ لِلشَّرِبِينَ وَأَنْهَارٌ مِنْ عَسَلٍ مُصَفًّى وَهُمْ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَمَغْفِرَةٌ مِّن رَّبِّهِمْ

Maksudnya; **Sifat syurga yang telah dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa (ialah seperti berikut): ada padanya beberapa sungai dari air yang tidak berubah (rasa dan baunya), dan beberapa sungai dari susu yang tidak berubah rasanya, serta beberapa sungai dari arak yang lazat bagi orang-orang yang meminumnya, dan juga beberapa sungai dari madu yang suci bersih. dan ada pula untuk mereka di sana segala jenis buah-buahan, serta keredaan dari tuhan mereka.**

(Surah Muhammad: Ayat 15)

### Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

**Yang Kelima;** Dianugerahkan pula buat ahli syurga pasangan yang cantik lagi sempurna rupa parasnya, tingkah lakunya serta akhlakunya, iaitu bidadari-bidadari yang telah dijadikan khas oleh Allah SWT buat mereka. Kecantikan, kesucian, keayuannya tidak dapat dikhayalkan atau digambarkan hakikatnya yang sebenar oleh akal fikiran. Sepertimana Allah SWT berfirman:

وَعِنْدَهُمْ قَاصِرَاتُ الطَّرْفِ عِينٌ ﴿٤٨﴾ كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكْنُونٌ ﴿٤٩﴾

Maksudnya; **"Sedang di sisi mereka ada pula bidadari-bidadari yang tidak menumpukan pandangannya melainkan kepada mereka (pasangannya-pasangannya), lagi yang amat indah luas matanya; (putih kekuning-kuningan) seolah-olah mereka telur (burung kasuari) yang tersimpan dengan sebaik-baiknya".**

(Surah As-Saaffat: Ayat 48-49)

**Keenam;** Seterusnya nikmat yang paling terbesar, bakal diperolehi oleh para penghuni syurga ialah dapat melihat Allah SWT, sepertimana Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Qiyaamah ayat 22-23:

وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَّاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

Maksudnya; **"Pada hari akhirat itu, muka (orang-orang yang beriman) berseri-seri, melihat kepada Tuhannya".**

Dan Nabi SAW bersabda;

فَيَكْشِفُ الْحِجَابَ فَمَا أُعْطُوا شَيْئًا أَحَبَّ إِلَيْهِمْ مِنَ النَّظَرِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya; **"Maka, pada waktu itu Allah membuka hijab (yang menutupi wajah-Nya Yang Maha Mulia) dan penghuni syurga tidak pernah mendapatkan suatu (kenikmatan) yang lebih mereka sukai daripada melihat (wajah) Allah".**

(Riwayat Muslim)

Ini adalah diantara keindahan dan kenikmatan yang akan dimiliki oleh para penghuni syurga dan ini semua adalah nikmat-nikmat yang berkekalan, kekal abadi buat selama-lamanya. Oleh itu, dikesempatan hidup ini, marilah sama-sama kita manfaatkan peluang yang ada ini untuk menjadi hambanya yang melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, dan banyak berdoa kepadanya supaya dimasukkan ke dalam syurga-Nya, Rasulullah SAW bersabda:

فَإِذَا سَأَلْتُمُ اللَّهَ فَاسْأَلُوهُ الْفَرْدَوْسَ فَإِنَّهُ أَوْسَطُ الْجَنَّةِ وَأَعْلَى الْجَنَّةِ وَفَوْقَهُ عَرْشُ الرَّحْمَنِ وَمِنْهُ تَفَجَّرُ أَنْهَارُ الْجَنَّةِ



Maksudnya: **“Maka apabila kamu memohon syurga kepada Allah, maka mohonlah (syurga) al-Firdaus, sebab (syurga) Firdaus adalah syurga yang paling tengah dan yang paling tinggi, di atasnya ada arasy (Allah) Arrahman, dan daripadanya terpancar sungai-sungai di syurga”.**

(Riwayat Al-Bukhari)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ وَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ  
حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

Terdapat amalan yang dapat menjauhkan diri kita semua dari terkena azab neraka, sepertimana Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَافِظَ عَلَى أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ قَبْلَ الظُّهْرِ وَأَرْبَعٍ بَعْدَهَا حَرَّمَ اللَّهُ عَلَى النَّارِ

Ertinya: **“Barangsiapa menjaga solat (sunat) 4 rakaat sebelum solat zohor dan 4 rakaat solat (sunat) sesudahnya, maka Allah mengharamkan neraka (baginya)”.**

(Hadis Sahih, Riwayat Abu Daud)

Cara untuk kita melaksanakan solat sunat empat rakaat tersebut ialah dengan kita solat dua rakaat lalu memberi salam dan solat pula dua rakaat lalu memberi salam.

#### Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah,

Untuk mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita memohon doa perlindungan kepada Allah SWT sepertimana yang telah diajarkan oleh Nabi SAW supaya kita semua dilindungi serta dihindari dari wabak Covid-19 yang sedang melanda dunia dan negara kita;

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَ مِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

**Ya Allah! Kami berlindung denganMu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.**





# KISAH CINTA SAHABAT UNTUK MENUJU KE SYURGA



*Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad  
Al-Bakri*

Terdapat banyak kisah yang menarik, betapa cintanya para sahabat untuk menuju ke syurga Allah SWT. Antaranya:

## I. KISAH UMAIR BIN AL-HUMAM KETIKA PERANG BADAR

Ketika perang Badar, beliau mendengar Nabi SAW bersabda, "Bangkitlah kamu menuju syurga yang lebarnya seluas langit dan bumi." Umair bertanya, "Wahai Rasulullah, lebar syurga seluas langit dan bumi?" Beliau menjawab, "Benar," Umair berkata, "Hebat, hebat." Rasulullah SAW bertanya, "Apa yang menyebabkan kamu mengatakan 'hebat, hebat'?" Umair menjawab, "Demi Allah, tidak wahai Rasulullah, aku hanya berharap, mudah-mudahan aku termasuk penghuninya." Rasulullah bersabda, "Sungguh, engkau termasuk penghuni Surga."

Umair lalu mengambil beberapa biji kurma dari tempat makanannya lalu menyuapnya. Kemudian dia berkata, "Sekiranya aku masih hidup sehingga menghabiskan kurma ini, sungguh ini merupakan kehidupan yang sangat panjang." Lantas dia melemparkan kurma yang masih tersisa untuk maju berperang sehingga gugur syahid." (Riwayat Muslim, 1901)

## II. KISAH AMR BIN AL-JAMUH KETIKA PERANG UHUD

Amr bin al-Jamuh RA termasuk di antara para sahabat yang memiliki alasan yang dibenarkan syariat untuk tidak ikut serta berperang kerana beliau tempang. Namun keadaan ini tidak mengurangkan semangatnya untuk tetap ikut berperang. Usaha anak-anaknya untuk menghalangnya juga tidak dipedulikannya. Akhirnya Rasulullah SAW meminta persetujuan anak-anak Amr bin al-Jamuh untuk membiarkannya ikut berjihad, jika dia sememangnya menginginkan mati syahid. Beliau pernah bertanya kepada Rasulullah SAW, "Bagaimana pendapat, jika aku meninggal hari ini, dapatkah aku menginjak syurga dengan kakiku yang tempang ini?" Rasulullah SAW menjawab, "Ya." Kemudian Amr RA berkata, "Demi Allah yang telah mengutusmu dengan al-Haq, insya Allah, aku benar-benar akan menginjakkan kakiku ini di syurga hari ini." Kemudian Amr bin al-Jamuh RA terjun ke medan tempur sehingga akhirnya keinginan beliau untuk syahid tercapai. (Diriwayatkan oleh Ibn al-Mubarak dalam Kitab al-Jihad, hlm. 69; Ibnu Hisyam, 3/132)

## III. KISAH JA'FAR ABI TALIB, DIBERI SAYAP DALAM SYURGA

Ketika Zaid bin Harithah gugur syahid, lalu Ja'far bin Abu Talib mengambil bendera pasukan dan terus berjuang dengan hebatnya tanpa ada tolok bandingan. Apabila keadaan peperangan semakin gawat, beliau terjun dari kudanya dan terus berlawan sehingga terputus tangan kanannya. Beliau mencapai bendera dengan tangan kirinya dan terus berjuang sehingga tangan kirinya pula putus, lalu dikendongnya bendera dengan kedua-dua lengannya. Sehingga saat Ja'far terbunuh, beliau masih lagi mengangkat bendera pasukan Islam. Dikatakan bahawa seorang tentera Rom mencantas Ja'far dengan satu pukulan yang kuat sehingga



terbelah dua tubuhnya. Allah telah menggantikan untuk beliau dua sayap yang digunakannya untuk terbang ke mana sahaja di dalam syurga. Oleh kerana itu, beliau dikenali dengan gelaran 'Ja'far al-Tayyar' dan juga 'Ja'far Zu al-Janahain' (yang mempunyai dua sayap).

(Lihat **al-Rahiq al-Makhtum**, hlm. 672)

#### IV. KISAH ABDULLAH BIN RAWAHAH, MENCAMPAK MAKANAN

Apabila Ja'far terbunuh setelah mempamerkan keperwiraan yang luar biasa, bendera diambil pula oleh Abdullah bin Rawahah. Beliau maju ke hadapan sambil menunggang kudanya. Beliau cuba untuk turun dari kudanya, tetapi jiwanya mula teragak-agak untuk berbuat demikian, sehingga beliau menyengetkan tubuhnya sambil mengungkap syair:

*Aku bersumpah hai jiwa, turunlah kamu*

*Sama ada terpaksa atau rela hati*

*Tidakkah manusia sudah bertempik menjerit melolong*

*Mengapa kulihat engkau bercikan syurga*

Lalu, beliau pun turun. Seorang sepupunya datang membawa sekeping daging dan berkata, "Kuatkan tubuhmu dengan memakan daging ini kerana engkau telah berhempas-pulas dalam peperangan ini." Abdullah mengambil daging itu dan digigitnya sekali, kemudian dibuangnya dari tangannya. Setelah itu, beliau mencapai pedangnya lalu maju ke hadapan dan berjuang sehingga terbunuh syahid.

(Lihat **al-Rahiq al-Makhtum**, hlm. 673)

Sebaik-baik SAHABAT  
adalah SAHABAT yang  
dapat membawa kita ke SYURGA  
bukan SAHABAT yang  
membawa kita ke NERAKA..

Sahabat ke NERAKA  
mudah DICARI..  
Sahabat ke SYURGA  
sukar DITEMUI..





# Kempen Masuk Syurga Sekeluarga

Dalam al-Quran Allah memerintahkan kepada kita agar memelihara **DIRI** dan **KELUARGA** agar tidak dihumban ke dalam neraka. Penekanan lafaz ahli keluarga seakan satu kempen untuk masuk syurga sekeluarga. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ  
نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

**Wahai orang-orang yang beriman!**  
**Peliharalah diri kamu dan KELUARGA**  
**kamu dari neraka yang bahan**  
**bakarnya ialah manusia**  
**dan batu (berhala).**

(Surah al-Tahrim: 6)



**DR. AHMAD SANUSI AZMI**  
**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**





# DOA AGAR SEKELUARGA MASUK SYURGA

---

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي  
رَبَّنَا وَقَبَّلْ دُعَاءَ

Maksudnya :-


**“Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.**

Surah Ibrahim ayat 40

---

# BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2022


SIRI  
23



### PENGENALAN BUKU

Kitab *Al-Mu'tamad Fi al-Fiqh asy-Syafi'ie* (Fiqh Mazhab Asy-Syafi'ie yang Mu'tamad) ini ditulis oleh Prof. Dr. Muhammad Al-Zuhaili. Kitab ini menggunakan tiga metode penulisan utama iaitu berpegang kepada *qaul rajih* dalam mazhab, menerangkan dalil syara' bagi hukum - hukum fiqh dalam mazhab asy-Syafi'ie dan menyebutkan nama serta bilangan ayat al-Quran yang dinyatakan sekaligus men-takhrijkan (mengeluarkan) hadith-hadith dengan takhrij yang ringkas.

Tujuan penulisan kitab ini adalah untuk menambah ilmu pengetahuan agar umat Islam dapat mengetahui hukum Allah SWT dengan lebih jelas melalui pengetahuan tentang dalil syara' daripada al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad. Semoga bermanfaat.



Jilid 1	Jilid 2
2 Bab	2 Bab
480 M/Surat	382 M/Surat
900 Naskhah	900 Naskhah

Imbas kod QR ini untuk maklumat lanjut tentang e-penerbitan JAKIM



 **Kedai Buku JAKIM**

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya  
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 Putrajaya  
📞 03-8870 7445 / 7446



# BUKU BAHARU TERBITAN JAKIM 2022

SIRI  
24



## PENGENALAN BUKU

*Bicara Tasawuf dan Tarekat: laluan pemeraksanaan kerohanian dalam arus materialisme* ini ditulis oleh Prof. Emeritus Dato' Zakaria Stapa.

Tujuan penulisan buku ini adalah untuk memperkenalkan disiplin ilmu tasawuf dan kaitannya dengan institusi tarekat serta peranan yang boleh disumbangkan oleh disiplin ilmu ini dalam menghadapi cabaran semasa yang dipenuhi dengan pelbagai gejala kemuflihan nilai akhlak mulia hasil daripada penguasaan unsur kebendaan dalam kehidupan. Semoga bermanfaat.

## Mengandungi

5 Bab

100 Muka Surat

900 Naskhah

Imbas kod QR ini  
untuk maklumat lanjut  
tentang e-penerbitan JAKIM



**Kedai Buku JAKIM**

Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya  
No.23 Jalan Tunku Abdul Rahman  
Presint 3, 62100 Putrajaya  
☎ 03-8870 7445 / 7446



جايتم كمال جوان اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



**Kedai Buku JAKIM**